

Hubungan Dialektikal Praktis Sosial Muamalat dengan Ciri Leksikal Wacana Perbankan Islam

The Dialectical Relationship between Muamalat Social Practice and the Lexical Features of Islamic Banking Discourse

MOHAMAD FITRI MOHAMAD YUSOFF, ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH, PABIYAH HAJIMAMING @ PABIYAH TOKLUBOK, NOR AZUWAN YAAKOB

ABSTRAK

Kewujudan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab tulen, kata/istilah gabungan Melayu-Arab, kata/istilah Inggeris dan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris dalam wacana perbankan Islam berbahasa Melayu bukanlah berlaku secara kebetulan, tetapi dipengaruhi oleh praktis sosial muamalat. Hal ini kerana hubungan antara praktis sosial dengan wacana adalah hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas. Justeru dengan mengaplikasi pendekatan Analisis Wacana Kritis (AWK), kajian ini bertujuan merungkai hubungan dialektikal antara praktis sosial muamalat dengan ciri leksikal wacana perbankan Islam. Kajian ini membuktikan bahawa, daripada satu sudut, praktis sosial mempengaruhi pembentukan wacana, sementara daripada sudut yang lain pula, wacana berperanan memperteguh praktis sosial. Kajian ini memberi kefahaman bahawa, kewujudan ciri leksikal yang rencam dalam wacana perbankan Islam berbahasa Melayu adalah bertujuan menampung keperluan praktis sosial muamalat, tambahan pula dalam konteks Malaysia perbankan Islam berkembang dalam kerangka perbankan konvensional

Kata kunci: Analisis Wacana Kritis; dialektikal; leksikal; praktis sosial muamalat; wacana perbankan Islam

ABSTRACT

The features of Malay muamalat lexical discourse consisting of uncommon Malay, Arabic and English are not coincidentally formed, but rather as a result of the influence from muamalat social practice. This is due to the relationship between social practice and discourse is considered as reciprocal. Therefore, using the approach of Critical Discourse Analysis (CDA), this study aims to dissolve the dialectical relationship between muamalat social practice and lexical features of Islamic banking discourse. This study also proves that on the one hand social practice influences the formation of discourse and on the other hand discourse strengthens social practice. Finally, this study clarifies that, the existence of complicated lexical features in Malay Islamic banking discourse supports the needs of muamalat social practice, especially in the context of Malaysia where Islamic banking spreads within the framework of conventional banking.

Keywords: Critical Discourse Analysis; dialectical; lexical; muamalat social practice; Islamic banking discourse

PENGENALAN

Di Malaysia, sistem perbankan Islam berkembang melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983. Penubuhan tersebut menjadikan urusan ekonomi Islam atau muamalat dikendalikan secara formal oleh sebuah institusi kewangan Islam. Penubuhan BIMB juga telah merencanakan aktiviti muamalat dan terbukti apabila dalam tempoh sepuluh tahun penubuhannya BIMB telah berjaya menawarkan lebih daripada 20 produk perbankan Islam untuk memenuhi keperluan pelanggan yang pelbagai (Nor Mohamed Yacop 1996). Serentak dengan perkembangan muamalat tersebut, maka lahirlah cabang wacana yang

dikenali sebagai wacana muamalat yang merujuk kepada kesatuan bahasa yang digunakan untuk mengungkapkan gagasan, idea dan isu-isu berkaitan sistem ekonomi Islam. Satu hal yang menarik, perkembangan sistem ekonomi Islam berlaku dalam kerangka sistem ekonomi konvensional yang dipraktikkan dalam kalangan masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa. Pertembungan dua sistem ekonomi dalam masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa ini bukan sahaja membawa praktis sosial yang tersendiri tetapi juga menghasilkan konteks/situasi yang lebih rencam kepada perkembangan wacana muamalat.

Praktis sosial yang dimanfaatkan dalam muamalat BIMB ialah Ihsan. Ihsan merupakan falsafah

yang merujuk kepada penawaran perkhidmatan oleh BIMB dengan kebaikan, kebajikan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambaNya. Ihsan bukan sahaja di terjemah melalui amalan berzakat, tetapi juga meliputi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal, berpada dan tidak bersifat menindas, selain menghindari amalan monopoli yang boleh menjejaskan kepentingan umum. Terjemahan ihsan melalui amalan berzakat, mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpada selain menghindari amalan monopoli juga merupakan sebahagian pendekatan dakwah melalui amalan dan perlaksanaan. Selain itu, ihsan dalam menawarkan perkhidmatan oleh BIMB juga dilaksanakan sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran (promosi) dalam perniagaan moden. Pendekatan strategi pemasaran ini merupakan apa yang disebut oleh Nor Mohamed Yacop (1996) sebagai penyesuaian yang berlaku hasil perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Menurut perspektif Islam, setiap kebaikan (sedekah) sebaik-baiknya hendaklah dilakukan secara rahsia tanpa dihebahkan kepada orang ramai. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abu Huraira sepertimana yang terkandung dalam Sahih Muslim yang bermaksud;

Ada tujuh golongan yang bakal dinaungi oleh Allah di bawah naungan-Nya, pada hari yang tidak ada naungan kecuali naungan-Nya, iaitu pemimpin yang adil, pemuda yang tumbuh dengan ibadah kepada Allah (selalu beribadah), seseorang yang hatinya bergantung kepada masjid (selalu melakukan solat jemaah di dalamnya), dua orang yang saling mengasihi di jalan Allah, keduanya berkumpul dan berpisah kerana Allah, seorang yang diajak perempuan berkedudukan dan cantik (untuk berzina), tetapi ia mengatakan: aku takut kepada Allah, seseorang yang memberikan sedekah kemudian merahsiakannya sampai tangan kanannya tidak tahu apa yang dikeluarkan tangan kirinya dan seseorang yang berzikir (mengingat) Allah dalam kesendirian, lalu menitiskan air mata dari kedua matanya.

(Sahih Muslim No.1712)

Dalam petikan hadith di atas, “*seseorang yang memberikan sedekah kemudian merahsiakannya sampai tangan kanannya tidak tahu apa yang dikeluarkan tangan kirinya*” merujuk kepada kebaikan/kebajikan yang dilakukan oleh seseorang tidak diketahui oleh orang lain termasuklah orang yang paling hampir dengannya. Orang yang merahsiakan kebaikan/kebajikan yang dilakukan ini termasuk sebagai salah satu daripada tujuh golongan yang mendapat perlindungan Allah pada

Hari Akhirat. Namun dalam al Quran, Allah SWT berfirman yang bermaksud;

Orang yang menginfakkan hartanya malam dan siang hari (secara) sembunyi-sembunyi mahupun terang-terangan, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak bersedih hati.

(Surah al Bakarah: 274)

Ayat di atas menjelaskan perihal orang-orang yang melakukan kebaikan/kebajikan (sedekah) secara sembunyi mahupun secara terbuka turut mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT. Jelasnya kebaikan/kebajikan sebaik-baiknya hendaklah dilakukan secara tertutup tanpa dihebahkan. Namun begitu kebaikan/kebajikan yang dilakukan secara terbuka khususnya untuk tujuan dakwah turut mendapat ganjaran di sisi Allah.

Justeru penerapan Ihsan sebagai praktis sosial muamalat bukan sahaja mengakibatkan konsep patuh syariah diperkenalkan dan dipraktiskan dalam muamalat tetapi juga turut disadari kewujudannya dalam sistem ekonomi konvensional. Penerapan ihsan ini juga mengakibatkan konteks sosial wacana perbankan Islam telah mengalami penstrukturan semula, dan penstrukturan semula tersebut memberi kesan kepada ciri leksikal wacana perbankan Islam.

HUBUNGAN DIALEKTIKAL ANTARA IHSAN DENGAN CIRI LEKSIKAL.

Hubungan dialektikal merujuk kepada hubungan timbal balas antara Ihsan dengan ciri leksikal. Hal ini bermakna penstrukturan semula konteks sosial akibat penerapan falsafah Ihsan dalam muamalat telah menyebabkan lahirnya kata/istilah baharu yang bertujuan untuk mengungkapkan penstrukturan tersebut. Sementara daripada satu sudut yang lain kata/istilah baharu yang lahir berperanan memperteguh penstrukturan semula konteks sosial akibat penerapan falsafah Ihsan dalam muamalat. Perkembangan tersebut selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Karin Zotzmann (2007) yang menegaskan bahawa;

Several tendencies have been found in the corpus, among them a remarkable degree of overlap in terms of lexico-grammatical resources, epistemological and ontological positions, theoretical concepts, perceptions and recontextualizations of socioeconomic processes, political values, communicative purposes, assumptions about what sorts of evidence and forms of argumentation are persuasive, how to bring several disciplinary perspectives together and combine them etc. Taken together, these features gave rise to hybrid generic forms associated with a mix of social purposes, e.g. to intervene in

management practices, to sell training and consulting services and material, to make the case for IBC as a field worth funding and institutional support etc.

(Karin, Zotzmann 2007: 315.)

Secara jelas Karin Zotzmann (2007) melihat “*recontextualizations of socioeconomic processes*” dan pelbagai faktor lain menyumbang kepada “*hybrid generic forms associated with a mix of social purposes*”. Hal ini bermakna perkembangan muamalat dalam kerangka sistem ekonomi konvensional telah menyebabkan konteks sosial di struktur semula dan penstrukturan tersebut menyumbang kepada pembentukan teks ‘hybrid’. Dalam hubungan ini, teks hybrid yang dimaksudkan merujuk kepada gabungan beberapa elemen yang membentuk teks baru. Teks ‘hybrid’ ini pula berperanan mengungkapkan penstrukturan semula konteks sosial. Justeru kata/istilah asing dibawa masuk ke dalam teks berbahasa Melayu wacana muamalat untuk mengungkapkan penstrukturan semula konteks tersebut. Tambahan pula bahasa sumber muamalat ialah bahasa Arab sementara bahasa sumber sistem ekonomi konvensional ialah bahasa Inggeris (Mohamad Fitri Mohamad Yusoff & Zaitul Azma Zainon Hamzah 2014). Justeru pembentukan teks ‘hybrid’ melalui gabungan kata/istilah Melayu, kata/istilah Arab dan kata/istilah Inggeris sukar untuk dielakkan.

IHSAN DAN KATA/ISTILAH MELAYU BUKAN LAZIM

Dalam wacana muamalat berbahasa Melayu, kata/istilah Melayu bukan lazim seperti simpanan-i, pelaburan-i, dan pembiayaan rumah-i digunakan untuk membezakan antara produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB dengan produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank konvensional. Perbezaan ini akhirnya berjaya mewujudkan identiti tersendiri bagi produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB. Identiti tersendiri bagi produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB sangat signifikan memandangkan muamalat berkembang dalam sistem ekonomi konvensional. Justeru pengguna Islam mampu membezakan dengan mudah antara produk/perkhidmatan patuh syariah dengan produk/perkhidmatan konvensional.

Perbezaan tersebut digambarkan melalui penambahan bentuk ‘-i’ pada bahagian akhir kata/istilah yang lazimnya digunakan dalam perbankan konvensional. Sebagai contoh kata/istilah ‘simpanan’

dalam perbankan konvensional berubah menjadi ‘simpanan-i’ dalam perbankan Islam, pelaburan (pelaburan-i), pembiayaan rumah (pembiayaan rumah-i), pembiayaan perniagaan (pembiayaan perniagaan-i), pembiayaan modal kerja perniagaan (pembiayaan modal kerja perniagaan-i), aku janji komoditi (aku janji komoditi-i), dana dividen (dana dividen-i) dan pelaburan dwi-mata wang (pelaburan dwi-mata wang-i). Kehadiran bentuk ‘-i’ pada bahagian akhir kata/istilah Melayu bukan sahaja mengubah bentuk asal kata/istilah tersebut, tetapi juga mewakili makna Islam yang membawa maksud produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB adalah patuh Syariah dan seterusnya mendukung maksud Ihsan. Jelasnya penambahan bentuk kata/istilah Melayu yang disenaraikan di atas berlaku akibat pengaruh atau kesan praktis sosial muamalat iaitu Ihsan.

Daripada satu sudut yang lain pula, kewujudan kata/istilah simpanan-i, pelaburan-i, pembiayaan rumah-i, pembiayaan perniagaan-i, pembiayaan modal kerja perniagaan-i, aku janji komoditi-i, dana dividen-i dan pelaburan dwi-mata wang-i telah mempromosi Islam yang berkonsepkan Ihsan dan penerapannya sebagai praktis sosial muamalat. Hal ini kerana kewujudan kata/istilah tersebut telah berjaya mengungkap konsep Ihsan dalam setiap urusan niaga yang dinyatakan dengan jelas dan tepat. Hal ini selaras dengan pandangan Asmah Hj. Omar (1993) yang menjelaskan bahawa bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, yakni cara hidup mereka dan juga sekitaran fizikal dan sosial mereka. Fungsi bahasa yang seperti ini dipikul oleh perbendaharaan katanya. Ini bermakna kata/istilah simpanan-i, pelaburan-i, pembiayaan rumah-i, pembiayaan perniagaan-i, pembiayaan modal kerja perniagaan-i, aku janji komoditi-i, dana dividen-i dan pelaburan dwi-mata wang-i telah mendukung sekitaran/praktis sosial muamalat iaitu Ihsan.

Jelasnya pembentukan kata/istilah simpanan-i, pelaburan-i, pembiayaan rumah-i, pembiayaan perniagaan-i, pembiayaan modal kerja perniagaan-i, aku janji komoditi-i, dana dividen-i dan pelaburan dwi-mata wang-i dipengaruhi oleh praktis sosial muamalat iaitu Ihsan. Sementara dalam masa yang sama kata/istilah tersebut pula telah memperteguh Ihsan sebagai praktis sosial muamalat. Inilah apa yang disebut oleh Fairclough dan Wodak (1997) sebagai pertalian dialektikal antara wacana dengan praktis sosial.

IHSAN DAN KATA/ISTILAH ARAB

Jika kata/istilah Melayu bukan lazim seperti yang dibincangkan di atas digunakan untuk membeza atau mewujudkan identiti tersendiri bagi produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB, kata/istilah Arab pula digunakan untuk mengungkapkan konsep-konsep baru yang mendukung makna Ihsan yang sebelumnya tidak terkandung dalam perbankan konvensional. Memandangkan tradisi keilmuan Islam termasuklah muamalat menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa sumber, makna kata/istilah Arab digunakan secara langsung. Malah penggunaan kata/istilah Arab memberikan kesan persaingan yang lebih kompetitif kepada Bank Islam (Amirul Afif Muhamat dan rakan-rakan 2011). Justeru kata/istilah seperti *al awfar*, *mudharabah*, *an najah-NID-i*, *murabahah*, *sukuk*, *waheed-i*, *tawarruq* dan *innah* telah digunakan dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu.

Kata/istilah *al awfar* digunakan untuk mengungkapkan produk deposit mewah oleh kerana menggabungkan akaun simpanan dengan peluang memenangi cabutan bertuah yang kedua-duanya patuh Syariah. Sementara kata/istilah *mudharabah* pula digunakan untuk mengungkapkan kontrak pelaburan antara pemodal dengan pengurus pelaburan dalam keadaan kedua-dua kontrak dan pelaburan tersebut adalah patuh syariah. Kata/istilah *an najah-NID-i* pula digunakan untuk menamakan produk pelaburan yang menjanjikan beberapa faedah yang patuh Syariah seperti jaminan perlindungan modal, pulangan yang tinggi indeks saham dan pulangan yang tinggi penjagaan kesihatan. Seterusnya kata/istilah *murabahah* pula digunakan untuk mengungkapkan kaedah jual beli patuh Syariah yang membolehkan penjual menjual produk pada harga modal serta tambahan keuntungan yang dipersetujui bersama antara penjual dan pembeli.

Surat jaminan yang dikeluarkan dalam sistem muamalat yang tertakluk kepada konsep patuh Syariah serta mendukung pengertian Ihsan diungkapkan melalui kata/istilah *sukuk*. Kata/istilah *waheed-i* pula digunakan untuk menamakan produk deposit tetap yang pertama seumpamanya dalam Ringgit Malaysia yang mematuhi piawai Syariah tempatan dan antarabangsa. Sementara itu kata/istilah *tawarruq* dan *innah* digunakan untuk mengungkapkan urus niaga yang melibatkan dua kontrak jual dan beli. *Tawarruq* melibatkan pembelian secara tangguh (ansuran) dan menjual

semula produk yang dibeli secara tunai, sementara *innah* pula merupakan pembiayaan yang melibatkan dua kontrak jual dan beli yang berasingan dengan menggunakan aset yang sama. Walau bagaimanapun kedua-dua kontrak tersebut adalah patuh Syariah.

Kata/istilah *al awfar*, *mudharabah*, *an najah-NID-i*, *murabahah*, *sukuk*, *waheed-i*, *tawarruq* dan *innah* dibawa masuk ke dalam wacana muamalat berbahasa Melayu untuk mengungkapkan konsep urus niaga patuh Syariah yang mendukung makna Ihsan. Konsep urus niaga patuh Syariah ini pula tidak terkandung dalam sistem ekonomi konvensional. Jelasnya praktis sosial muamalat iaitu Ihsan telah mempengaruhi aspek leksikal (ciri-ciri wacana) wacana muamalat melalui kemasukan kata/istilah Arab. Daripada satu sudut yang lain pula kemasukan kata/istilah Arab telah memperteguh praktis sosial muamalat iaitu Ihsan kerana konsep tersebut boleh diungkapkan dengan tepat melalui kata/istilah pinjaman Arab.

IHSAN DAN KATA/ISTILAH GABUNGAN MELAYU - ARAB

Kata/istilah gabungan Melayu-Arab pula digunakan dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu bertujuan mengungkapkan penyesuaian yang telah berlaku akibat perkembangan muamalat dalam sistem ekonomi konvensional. Telah ditegaskan lebih awal bahawa muamalat tidak menolak mana-mana praktis sistem ekonomi konvensional yang tidak dengan bercanggah dengan Syarak (Nor Mohamed Yakcob 1996). Hal ini menyebabkan praktis sistem ekonomi konvensional yang tidak bercanggah dengan Syarak telah disesuaikan dan dipraktikkan. Kata/istilah 'kontrak', 'perjanjian', 'perjanjian induk' dan 'dana' merupakan kata/istilah yang lazim digunakan, sekali gus menggambarkan bahawa aktiviti urus niaga tersebut sememangnya dipraktikkan dalam sistem ekonomi konvensional.

Namun dalam muamalat, aktiviti urus niaga tersebut tidak lepas bebas kerana tertakluk kepada ketetapan Syarak. Justeru untuk menjelaskan bahawa aktiviti urus niaga BIMB yang melibatkan kontrak, perjanjian, perjanjian induk dan dana tertakluk kepada Syarak, maka konsep-konsep *Istisna'* (yang membawa maksud pembelian secara pesanan/tempahan), *Wakalah* (pelantikan ejen), *Tahawwut* (menjaga/melindungi), dan *Al-Fakhim* (berkembang) diketengahkan. Hal ini akhirnya mengakibatkan wujudnya kata/istilah seperti Kontrak *Istisna'*,

Perjanjian *Wakalah*, Perjanjian Induk *Tahawwut* dan Dana *Al-Fakhim*. Jelasnya kewujudan kata/istilah gabungan Melayu-Arab ini dipengaruhi oleh praktis sosial muamalat iaitu Ihsan. Kewujudan kata/istilah ini bertujuan mendukung makna urus niaga patuh Syariah yang merupakan terjemahan daripada konsep Ihsan.

Perlu ditegaskan di sini bahawa ihsan merupakan konsep yang bersifat abstrak. Menurut Zulkifly Hamid (2000) sesuatu konsep yang bersifat abstrak tidak akan dapat diserlahkan tanpa suatu alat penyerlah. Dalam hubungan itu bahasa merupakan alat penyerlahan akal budi yang paling nyata. Hal ini disokong oleh Syed Mohd Naquib (1990) yang menjelaskan bahawa nahu sesuatu bahasa itu merupakan ontologi (metafizik yang berkaitan dengan fitrah makhluk) sesuatu kebudayaan dan perkataan sesuatu bahasa mencorakkan konsep-konsep yang membina antologi tersebut. Justeru kata/istilah gabungan Melayu-Arab seperti yang disenaraikan di atas telah menyerlahkan/mencorakkan akal budi/kebudayaan berkaitan konsep ihsan dalam muamalat. Tambahan pula penyerapan kosa kata bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu untuk menyerlah/mencorakkan akal budi/kebudayaan Islam bukanlah sesuatu yang baru. Dalam kata lain, kewujudan kata/istilah gabungan Melayu-Arab ini telah memperteguh konsep ihsan sebagai praktis sosial muamalat. Hal inilah yang disebut sebagai hubungan dialektikal atau hubungan timbal balas (Fairclough dan Wodak 1997) antara praktis sosial ihsan dengan aspek leksikal wacana muamalat.

IHSAN DAN KATA/ISTILAH INGGERIS

Sementara itu kata/istilah Inggeris digunakan dalam wacana muamalat berbahasa Melayu bertujuan mewujudkan persefahaman merentas kedua-dua sistem ekonomi iaitu muamalat dan sistem ekonomi konvensional. Pendekatan mewujudkan persefahaman merentas kedua-dua sistem ekonomi ini dibuat memandangkan dalam konteks Malaysia muamalat berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Tambahan pula menurut Abdul Rahman Embong (2012) bahasa Inggeris merupakan bahasa perhubungan antarabangsa yang digunakan dengan meluas dalam bidang perdagangan, kewangan dan perbankan. Bidang perdagangan, kewangan dan perbankan yang dimaksudkan di sini merujuk kepada perdagangan, kewangan dan perbankan konvensional.

Konsep baru yang lahir akibat pertembungan muamalat dengan sistem kewangan konvensional diungkapkan menggunakan kata/istilah Inggeris memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa perhubungan sistem kewangan konvensional. Penggunaan kata/istilah Inggeris ini juga dipengaruhi oleh kedudukan sistem kewangan konvensional yang lebih dominan berbanding muamalat. Situasi ini menyaksikan kata/istilah Inggeris digunakan dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu untuk mengungkapkan konsep-konsep baru, agar konsep-konsep tersebut difahami bukan sahaja oleh muamalat tetapi juga oleh sistem ekonomi konvensional.

Konsep baru yang dimaksudkan di sini ialah patuh Syariah yang merupakan terjemahan daripada Ihsan. Oleh kerana muamalat mengetengahkan konsep patuh Syariah dan berkembang dalam sistem ekonomi konvensional, maka kefahaman berhubung patuh Syariah perlu juga berkembang dalam sistem ekonomi konvensional. Kefahaman berhubung patuh Syariah dalam sistem ekonomi konvensional bukan bermakna sistem ekonomi ini perlu memastikan semua produk/perkhidmatan yang ditawarkan patuh Syariah, tetapi bertujuan mewujudkan garis pemisah antara kedua-dua sistem ekonomi agar tidak berlaku percampuran antara produk/perkhidmatan patuh syariah dengan produk/perkhidmatan tidak patuh syariah. Percampuran ini dibimbangi akan mewujudkan 'syubahah' yang akan menjejaskan kesucian produk/perkhidmatan patuh Syariah. Malah menurut Imam As Suyuti (1997), jika bercampur hukum halal dan haram pada satu perkara, maka dijatuhkan dengan hukuman haram.

Bertolak daripada keperluan mewujudkan persefahaman berhubung konsep patuh Syariah (ihsan) merentas kedua-dua sistem ekonomi agar wujud garis pemisah yang jelas antara produk/perkhidmatan patuh Syariah dengan produk/perkhidmatan tidak patuh Syariah, maka kata/istilah *white labeling* digunakan. Kata/istilah ini bukan sahaja mendukung konsep patuh Syariah (Ihsan) dalam muamalat tetapi juga memberi kefahaman berhubung konsep patuh syariah dalam sistem ekonomi konvensional. Kata/istilah *white labeling* memberi kefahaman kepada kedua-dua sistem ekonomi bahawa produk/perkhidmatan yang dimasukkan di bawah *white labeling* sebagai bebas daripada sebarang pelanggaran peraturan/Syariah. Begitu juga dengan kata/istilah *wallet-sizing*. Kata/istilah ini pula digunakan untuk mendukung makna Ihsan iaitu penawaran perkhidmatan kewangan

pada skala yang lebih kecil kepada syarikat baru khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Konsep penawaran perkhidmatan kewangan pada skala yang lebih kecil kepada syarikat baru khususnya PKS diungkapkan melalui kata/istilah *wallet-sizing* lantas memudahkan pemahaman bagi kedua-dua sistem ekonomi (muamalat dan konvensional).

Jelasnya penggunaan kata/istilah Inggeris *white labeling* dan *wallet-sizing* dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu bukanlah berlaku secara kebetulan. Tetapi penggunaan kata/istilah Inggeris ini dipengaruhi oleh praktis sosial muamalat iaitu Ihsan dengan tujuan memberi kefahaman berhubung konsep Ihsan merentas kedua-dua sistem ekonomi. Daripada sudut yang lain pula penggunaan kedua-dua kata/istilah Inggeris tersebut telah memperteguh konsep ihsan bukan sahaja dalam muamalat tetapi juga merentasi sistem ekonomi konvensional. Hal yang demikian berlaku kerana konsep patuh Syariah (ihsan) tersebut mampu diungkapkan dan difahami dengan tepat melalui kata/istilah *white labeling* dan *wallet-sizing*.

IHSAN DAN KATA/ISTILAH GABUNGAN MELAYU - INGGERIS

Jika penggunaan kata/istilah Inggeris dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu bertujuan memupuk persefahaman merentas kedua-dua sistem ekonomi, penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris pula bertujuan membina konsep, imej dan jenama kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BMB. Memandangkan sesetengah perkhidmatan yang ditawarkan menggabungkan beberapa konsep, maka penjenamaan amat dititikberatkan. Daripada perspektif perniagaan, penjenamaan sesuatu produk/perkhidmatan amat memberi kesan kepada strategi pemasaran dan kejayaan perniagaan. Penjenamaan produk/perkhidmatan yang menggambarkan identiti Muslim moden merupakan aspirasi kepada kejayaan pemasaran/perniagaan. Hal ini ditegaskan oleh Ozlem Sandikci (2011);

From Malaysia to Turkey, India, Syria, the UK and Australia, these entrepreneurs design, manufacture and market products that are crucial to the development of modern Muslim identities as consumer subjects. Some examples that have received media attention include Turkish Tekbir, an Islamic clothing company; Syrian Newboy Design Studio, producer of Fulla dolls; Australian Ahida, marketer of modest swimsuit burqini, a term derived from merging burqa and bikini; and the UK-based Emel, a Muslim lifestyle magazine. In each case, an aspiration to

achieve business success and help Muslims live properly Islamic lives underlines the entrepreneurial story

(Ozlem Sandikci 201: 250)

Dalam situasi perbankan Islam, produk/perkhidmatan yang ditawarkan perlu bersaing dengan produk/perkhidmatan yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional. Tambahan pula kesedaran pengguna Islam terhadap produk/perkhidmatan patuh Syariah adalah tinggi (Hussain Gulzar Rammal & Ralf Zurbruegg 2007). Hal ini mengakibatkan beberapa konsep asas sesuatu produk/perkhidmatan seperti pinjaman/pembiayaan peribadi, patuh Syariah, dan hadiah beg tangan berjenama dikonsepsualisasikan melalui kata/istilah *Pembiayaan Peribadi-i Extra "Bag"anza*. Begitu juga dengan konsep asas seperti siswazah baharu bergraduat, pembelian kereta pertama, dan pengedar kereta nasional dikonsepsualisasikan melalui kata/istilah *Program "GradHitz"*. Ini bermakna penggunaan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris dalam teks wacana muamalat berbahasa Melayu bertujuan mengungkapkan konsep, imej dan jenama baru yang terbina akibat gabungan beberapa konsep lain. Salah satu daripada konsep asas yang terlibat ialah konsep patuh Syariah (Ihsan) yang merupakan praktis sosial muamalat. Sementara itu kata/istilah *Pembiayaan Peribadi-i Extra "Bag"anza* dan *Program "GradHitz"* secara timbal balas telah memperteguh konsep patuh Syariah (ihsan) dalam konsep, imej dan jenama baru tersebut. .

KESIMPULAN

Penggunaan atau kewujudan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab, kata/istilah gabungan Melayu-Arab, kata/istilah Inggeris dan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris dalam teks wacana perbankan Islam berbahasa Melayu bukanlah dibuat dengan sewenang-wenangnya. Sebaliknya penggunaan tersebut bertujuan mengungkapkan penstrukturan semula konteks sosial seperti mewujudkan identiti tersendiri, mengungkapkan konsep-konsep baru, menggambarkan penyesuaian yang telah berlaku, mewujudkan persefahaman merentas kedua-dua sistem ekonomi, dan membina konsep, imej dan jenama kepada produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Tujuan-tujuan tersebut pula dipengaruhi oleh praktis sosial muamalat iaitu Ihsan yang antara lain meliputi patuh Syariah, tuntutan mencari keuntungan dengan cara yang berpada dan tuntutan menawarkan produk/

perkhidmatan dengan kebaikan serta ketelusan atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambanya. Pada masa yang sama kewujudan kata/istilah Melayu bukan lazim, kata/istilah Arab, kata/istilah gabungan Melayu-Arab, kata/istilah Inggeris dan kata/istilah gabungan Melayu-Inggeris dalam teks wacana perbankan Islam berbahasa Melayu telah memperteguh Ihsan sebagai praktis sosial muamalat. Hal ini kerana kata/istilah tersebut telah berupaya mengungkapkan konsep Ihsan dengan mudah, tepat dan jelas. Inilah yang disebut sebagai pertalian dialektikal atau pertalian timbal balas antara praktis sosial muamalat dengan ciri-ciri wacana muamalat khususnya daripada aspek leksikal.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2012. *Negara-bangsa: Proses dan Pembinaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al Imam Jalaluddin Abdul Rahman As Suyuti. 1997. *Al Asybah Wa An Nazhair Fi Quawaid Wa Furu' Fiqh As Syafiah*. Makkah: Maktabah Nizarun Mustaffa.
- Al-Qur'an Al-Karim dan Terjemahannya*. 2002. Semarang, Indonesia: Departemen Agama Republik Indonesia.
- Amirul Afif Muhamat dan rakan-rakan. 2011. An empirical study on banks' clients' sensitivity towards the adoption of Arabic terminology amongst Islamic banks. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 4(4) :343-354.
- Asmah Hj Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fairclough, N. & Wodak, R. 1997. Critical Discourse Analysis. Dlm. Van Dijk. *Discourse as Social Interaction*. London: Sage Publication Ltd.
- Hussain Gulzar Rammal dan Ralf Zurbruegg. 2007. Awareness of Islamic banking products among Muslims: The case of Australia. *Journal of Financial Services Marketing* 12(1):65-74.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Istilah Melayu dan Arab Dalam Wacana Muamalat. *Jurnal Bahasa* 14(1): 97-121.
- Nor Mohamed Yacob. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Özlem Sandikci. 2011. Researching Islamic marketing: past and future perspectives. *Journal of Islamic Marketing* 2(3): 246 – 258.
- Sahih Muslim oleh Imam Muslim Jilid II*. 1965. Terjemahan bahasa Inggeris Oleh Abdul Hamid Siddiqi. Beirut, Lebanon: Dar Al Arabia. Sharifah Akmam Syed Zakaria & Hardiman Muhammad Yatim (2007). *Rancangan Perniagaan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Syed Mohd. Naquib. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Zotzmann, Karin. 2007. Educating for The Future: A Critical Discourse Analysis of the Field of Intercultural Business Communication. Thesis Ph.D, Lancaster University.
- Zulkifley Hamid. 2000). *Bahasa: Konsep, Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff, Ph.D.
Pensyarah Kanan,
Sekolah Pengajian Kontemporari Islam Al Farabi,
Institut Profesional Baitulmal,
Lot 1363, Jln. Perkasa, Taman Maluri,
55100 Kuala Lumpur, Malaysia.
E-mail: fitri@ipb.edu.my / fitrimy@hotmail.com
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D.
Profesor Madya,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: zaitulazma@yahoo.com
- Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, Ph.D.
Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: pabiyah@upm.edu.my

Hjh. Nor Azuwan Yaakob, Ph.D.
Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mail: azuwan_nor@yahoo.com

Diserahkan: 24 Julai 2018
Diterima: 20 September 2018